

**HONG LEONG BANK BERHAD (“HLB”)
PROMOSI 50% PULANGAN TUNAI ATAS TRANSAKSI PERTAMA DENGAN KAD DEBIT HONG
LEONG**

Dikemaskini pada 8 Mei 2017

TEMPOH PROMOSI

1. **“Promosi 50% Pulangan Tunai atas Transaksi Pertama dengan Kad Debit Hong Leong”** (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula dari **8 Mei 2017** dan berakhir pada **31 Julai 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut:-

KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada Pemegang Kad Debit Hong Leong baharu yang terpilih dan merupakan individu warga Malaysia dan telah menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada HLB (“Pemegang Kad”).
3. Yang berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi ini:
 - i. Pelanggan yang memiliki Kad Debit HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - ii. Pelanggan yang akaun Kad Debit mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau yang Kad Debit mereka tidak disahkan atau dibatalkan oleh HLB;
 - iii. Pelanggan yang merupakan pelanggan Perbankan Persendirian HLB; dan
 - iv. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan dan kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemufliisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi,

KAEDAH PROMOSI

4. Tertakluk kepada Fasal 5 di dalam ini, Pemegang Kad dikehendaki melakukan transaksi runcit **pertama** di mana-mana saluran runcit menggunakan Kad Debit Hong Leong baharu mereka (“Transaksi Runcit Pertama”) dalam bulan kalendar yang sama Pemegang Kad menerima SMS (“Bulan Promosi”) untuk layak menerima 50% Pulangan Tunai (“Pulangan Tunai”) atas Transaksi Runcit Pertama (“Pemegang Kad Layak”). Sebagai contoh, jika Pemegang Kad menerima SMS daripada HLB pada 8 Mei 2017, maka Pemegang Kad perlu melakukan Transaksi Runcit Pertama pada/atau sebelum 31 Mei 2017 untuk layak menerima Pulangan Tunai.
5. Bagi mengelakkan keraguan, pemberian Pulangan Tunai adalah bergantung kepada hal-hal berikut:-
 - a) Hanya Transaksi Runcit Pertama yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam penyata bulanan Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) Pemegang Kad Layak akan layak menerima Pulangan Tunai.
 - b) Transaksi Runcit Pertama boleh dilaksanakan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan mata wang lain.
 - c) Bagi tujuan Promosi ini, Transaksi Runcit akan meliputi pembelian di tempat jualan, pembelian tanpa sentuh, pembelian dalam talian, automatik bil dan tambah nilai “Touch ‘n Go” tetapi **TAK TERMASUK**:
 - i. Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, tipu atau menyalani undang-undang

- II. Bayaran Fi Pengeluaran / Fi Tahunan /Fi Pembaharuan Kad Debit Hong Leong; atau
- III. Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh HLB.

d) Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh HLB bagi Promosi ini dihadkan pada **Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000.00)** sahaja bagi setiap bulan Tempoh Promosi dan **Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu (RM60,000.00)** sepanjang Tempoh Promosi atas **dasar siapa cepat dia dapat**

e) Bagi mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai dihadkan pada maksimum **Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20.00)** bagi setiap Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Promosi.

6. Contoh penjadualan kelayakan Pulangan Tunai ditunjukkan seperti di bawah:

| Tarikh Transaksi Runcit Berjaya | Amaun Transaksi Pertama | Kelayakan 50% Pulangan Tunai |
|---------------------------------|-------------------------|------------------------------|
| 10 Mei 2017 | RM15.00 | RM7.50 |
| 15 Mei 2017 | RM50.00 | Tiada Pulangan Tunai |
| 21 Mei 2017 | RM100.00 | Tiada Pulangan Tunai |
| Jumlah Pulangan Tunai | | RM7.50 |

*Pulangan Tunai hanya satu (1) kali sahaja dan dihadkan pada maksimum RM20.00 bagi setiap Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Promosi

- 7. Kad Debit Hong Leong Pemegang Kad Layak dengan CASA sertaan mereka mesti kekal sah dan aktif sehingga Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA, jika tidak, Pulangan Tunai akan dilupuskan.
- 8. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA Pemegang Kad Layak dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamatnya Bulan Promosi ("Pemegang Kad Berjaya").
- 9. Pemegang Kad Berjaya akan diberitahu oleh HLB melalui SMS ("Pemberitahuan SMS") dan penyiaran senarai Pemegang Kad Berjaya dalam laman web Bank di www.hlb.com.my ("Laman Web Bank") dalam masa dua belas (12) minggu selepas tamatnya Bulan Promosi.
- 10. Pemegang Kad yang tidak menerima Pemberitahuan SMS daripada HLB sebelum minggu ke-12 selepas tamatnya Bulan Promosi dianggap **TIDAK** layak atau berhak menerima Pulangan Tunai.
- 11. Pemegang Kad Berjaya bertanggungjawab memberitahu HLB melalui surat jika tiada menerima Pulangan Tunai tidak lewat dari satu (1) bulan kalendar dari tarikh penerimaan Pemberitahuan SMS atau tarikh penyiaran Senarai Pemegang Kad Berjaya dalam Laman Web Bank, jika tidak Pulangan Tunai dianggap telah diterima oleh Pemegang Kad Berjaya dan Bank tidak akan melayani sebarang tuntutan ketidakterimaan Pulangan Tunai oleh Pemegang Kad selepas luputnya satu (1) bulan kalendar tersebut.
- 12. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.

UMUM

- 13. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
- 14. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Kad:
 - a. bersetuju telah membaca, memahami dan mematuhi Terma & Syarat Promosi;
 - b. bersetuju sebarang kebalikan Transaksi Runcit akan dikecualikan;
 - c. bersetuju bahawa keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Promosi dan Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;

- d. bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan untuk memastikan Pemegang Kad sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - e. memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon bimbit kepada M3Tech untuk tujuan Promosi ini; dan
 - f. bersetuju nama, nombor MyKad/KP (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka disiarkan dalam media, bahan pemasaran atau Laman Web HLB untuk tujuan Promosi ini (jika berkenaan).
15. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit atau apa-apa terma syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa hendak dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Kad Debit, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
16. HLB berhak untuk:
- a. melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak atas apa jua sebab sekalipun yang HLB dapati wajar menurut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Promosi;
 - b. menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, atau untuk menggantung atau menamatkan Promosi ini atas budi bicara mutlak HLB dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB;
 - c. melupuskan Pulangan Tunai jika sekiranya Terma & Syarat di dalam ini tidak dipatuhi; dan
 - d. menggantikan Pulangan Tunai dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.
17. HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemaparan dalam penyata bulanan Akaun CASA Pemegang Kad Layak tentang Transaksi Runcit berkenaan yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak tidak menerima Pulangan Tunai semasa Tempoh Promosi.
18. Pemegang Kad Layak adalah bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi dan/atau kelayakan mereka untuk menerima Pulangan Tunai.
19. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Akaun semasa dan simpanan yang ditandai kepada Kad Debit layak dilindungi oleh PIDM.